

GERAK GERI BANK AKAN DIAWASI AGAR TAK TEKAN PENIAGA — PM

KUALA LUMPUR 17 Julai
— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan bank-bank bahawa kerajaan akan mengawasi gerak-geri mereka supaya tidak menekan golongan peniaga dalam kemelesetan ekonomi sekarang. Katanya, jika bank-bank mengambil tindakan terburu-buru ke atas peniaga yang menghadapi masalah kemelesetan ekonomi, para peniaga ini akan bankrap dan akan merugikan bank serta kerajaan. Berucap di majlis makan malam Dewan Perniagaan

dan Perusahaan Melayu Malaysia di hotel Shangri-La di sini, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu melihat para peniaga dan pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera menjadi bankrap akibat tindakan terburu-buru bank. "Peniaga yang bankrap tidak akan berguna kepada kerajaan kerana tanpa golongan peniaga dan pengusaha ini, kerajaan tidak mampu memulihkan

LIHAT MUKA 6

Gerak geri bank akan diawasi

UM 18 JUL 1987 PM

ekonomi, menyusun semula masyarakat serta menggerakkan jentera kerajaan," katanya. Sebaliknya menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, jika para peniaga benar-benar melakukan penyelewengan, kerajaan tidak akan melepaskan jentayah itu.

Tegas beliau, kerajaan akan turut mengawasi dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap peniaga - peniaga yang menyeleweng yang menyalahgunakan pinjaman dari bank-bank.

Beliau mengingatkan semua pihak bertanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara dan bank-bank pula hendaklah bersabar sehingga kedudukan ekonomi pulih semula.

"Para peniaga yang menghadapi masalah hendaklah dibantu sehingga ekonomi pulih supaya negara tidak akan kehilangan para peniaga dan pengusaha ketika menghadapi pemulihan ekonomi," katanya. Perdana Menteri juga dukacita kerana ada bank-bank yang mengatakan

beberapa syor kerajaan tidak menjadi prinsip bank sedangkan prinsip tersebut buatan manusia yang boleh diubah.

Beliau juga berharap dalam kemelesetan ekonomi sekarang, para peniaga dan pengusaha tidak membuat tuduhan atau marahkan kerajaan sehingga cuba menjatuhkan pemimpin - pemimpin tertentu dengan alasan jika seseorang itu jatuh, ekonomi akan pulih.

Sebaliknya, para peniaga dan pengusaha hendaklah menjalankan kerjasama dengan kerajaan, termasuk para pegawai dan pemimpin untuk menayakan persyarikatan Malaysia.

"Dasar kerajaan adalah untuk membantu para peniaga sebagai membalas budi mereka yang membantu kerajaan dan peniaga bumiputera pula telah menikmati banyak faedah dari dasar kerajaan untuk meningkatkan taraf mereka sebagai pengusaha dan peniaga," katanya. Beliau berharap, golongan peniaga dan pengusaha ini tidak lupa dengan usaha kerajaan itu.